138.	MySG	<i>Malaysian School Governance</i>
139.	NGO	Agensi Bukan Kerajaan

140.	NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
141.	NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
142.	OKU	Orang Kurang Upaya
143.	PAFA	Perkara Asas Fardu Ain
144.	PAJSK	Pentaksiran Aktitiviti Jasmani dan Sukan dan Kokurikulum
145.	PB	Pusat Bertauliah
146.	PBAN	Pihak Berkuasa Agama Negeri
147.	PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
148.	PBPPP	Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
149.	PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
150.	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
151.	PCG	Bantuan Geran Per Kapita
152.	PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
153.	PEP	Perakuan Pelupusan
154.	PGB	Pengetua Guru Besar
155.	PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
156.	PIBKS	Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta
157.	PICTLD	Penyelaras ICT Lantikan Dalaman
158.	PIMA	Perantisan Industri Menengah Atas
159.	PJPK	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
161.	PKA	Program Kebitaraan Asrama
162.	PKK	Pusat Khidmat Kontraktor
163.	PKV	Program Khas Vokasional
164.	PLC	<i>Professional Learning Community</i>
165.	PMC	Pengurusan Murid Cicir
166.	PMS	<i>Performance Management System</i>
167.	POL	Pelan Operasi Latihan
168.	PP	Pegawai Penilai
169.	PP1	Pegawai Penilai Pertama
170.	PP2	Pegawai Penilai Kedua
171.	PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
172.	PPDa	Pendidikan Pencegahan Dadah
173.	PPDe	Pendidikan Pencegahan Denggi
174.	PPGB	Program Pembangunan Guru Baharu
175.	PPI	Program Pendidikan Inklusif

176.	PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
177.	PPKILD	Penyelaras program Pendidikan Khas Integrasi Lantikan Dalam
178.	PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
179.	PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
180.	PPS	Pasukan Pelaksana Sekolah
181.	PPS	Pegawai pelaksana Standard
182.	PPSi	Pentaksiran Psikometrik
183.	Pra-U	Pra Universiti
184.	PRS	Pembimbing Rakan Sebaya
185.	PSK	Persatuan Sukan Kebangsaan
186.	PSM	Pengurusan Sumber Manusia
187.	PSS	Pusat Sumber Sekolah
188.	PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga (3)
189.	PTA	Pengajaran dan Pentadbiran
190.	PTB AKP	Pengurusan dan Pentadbiran Anggota Kumpulan Pelaksana
191.	PTB PPP	Pengurusan dan Pentadbiran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
192.	PTJ	Pusat Tanggung Jawab
193.	PWR	Panjar Wang Runcit
194.	PYD	Pegawai Yang Dinilai
195.	R	Rendah
196.	R&D	<i>Research & Development</i>
197.	RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
198.	RMT	Rancangan Makanan Tambahan
199.	RPH	Rancangan Pengajaran Harian
200.	RPI	Rancangan Pendidikan Individu
201.	RPT	Rancangan Pengajaran Tahunan
202.	SABKM	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Menengah
203.	SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
204.	SBJK	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
205.	SBP	Sekolah Berasrama Penuh
206.	SdK	Sukarelawan dalam Sekolah
207.	SEGAK	Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia
208.	SePKM	Sistem Perkhidmatan Kaunseling Murid

209.	SisKA	Sistem Keluarga Asrama
210.	SisOKU	Sistem Orang Kurang Upaya
211.	SKKM	Standard Kompetensi Keperolehan Sekolah Malaysia
212.	SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
213.	SKPK	Standard Kualiti PraSekolah Kebangsaan
214.	SKPM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
215.	SKPMg2	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2
216.	SKT	Sasaran Kerja Tahunan
217.	SM	Sekolah Rendah
218.	SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
219.	SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
220.	SMPK	Sekolah Menengah Pendidikan Khas
221.	SMPKhas	Sekolah Menengah Pendidikan Khas
222.	SMT	Sekolah Menengah Teknik
223.	SOP	<i>Standard Operational Procedure / Standard Pengoperasian Operasi</i>
224.	SPANCO	<i>Fleet Management Service Provider</i>
225.	SPASSM	Aplikasi Pengurusan Atlet Murid ke Sekolah Sukan Malaysia
226.	SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
227.	SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
228.	SPKS	Sistem Penarafan Keselamatan Sekolah
229.	SPLKPM	Sistem Pengurusan Latihan Kementerian pendidikan Malaysia
230.	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
231.	SPP	Sektor Penilaian dan Peperiksaan
232.	SPS	Sistem Pengurusan Sekolah
233.	SR	Sekolah Menengah
234.	SS	Surat Siaran
235.	SSDM	Sistem Sahsiah Diri Murid
236.	SSeM	Sekolah Seni Malaysia
237.	SSM	Sekolah Sukan Malaysia
238.	SSQS	<i>Smart School Qualification Standards</i>
239.	SSTP	Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan
240.	STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
241.	STMB	Syarikat Telekom Malaysia

242.	STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
243.	STWC	<i>Standards of Training, Certification and Watch Keeping for Seafarers</i>
244.	SULDP	Setiausaha Latihan Dalam Perkhidmatan
245.	SUMUR	Sahsiah Unggul Murid
246.	SUWA	Kumpulan Wang Awam
247.	SVM	Sijil Vokasional Malaysia
248.	SWT	Subhanahu Wata a'ala
249.	TAC	<i>Technical Advisory Committee/ Jawatan Kuasa Penasihat Teknikal</i>
250.	TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
251.	TMUA	Tahfiz Model Ulul Albab
252.	TNA	<i>Training Need Analysis</i>
253.	TNB	Tenaga Nasional Berhad
254.	TOV	<i>Take Of Value</i>
255.	TPA	Tata Cara Pengurusan Aset
256.	TPS	Tata Cara Pengurusan Setor
257.	TPSM	Takaful Pelajar Sekolah Malaysia
258.	UBK	Unit Bimbingan dan Kaunseling
259.	UKELP	Ujian Khas Kelayakan kemasukan ke Kelas Kawalan
260.	USTP	Unit Sumber Teknologi Pendidikan
261.	UUK	Undang-Undang Koperasi
262.	WIM	<i>Written Instructional Material</i>
263.	YMA	Yuran Makan Asrama

TAFSIRAN

1. **Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP)** : pekerja yang dilantik oleh agensi kerajaan (KPM atau JPN) untuk membantu proses operasi sekolah dan pengurusan pejabat, aset, makmal, bengkel dan stor.
2. **Bahasa Kebangsaan** : Bahasa Melayu
3. **Bantuan Awal Persekolahan (BAP)** : bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid bagi membantu ibu bapa berkaitan dengan persediaan kelengkapan untuk murid-murid sekolah. Bantuan kewangan yang diberi berdasarkan *enrolmen* murid sekolah dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah.
4. **Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP)** : bantuan kewangan kepada murid sekolah yang diberikan bagi menampung kos perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan tambahan yang disediakan di sekolah dalam aspek pendidikan, sukan permainan, kokurikulum dan aktiviti pembangunan sahsiah murid serta skim perlindungan. BBTP merupakan inisiatif kerajaan bagi menyokong dan merealisasikan hasrat melahirkan sistem pendidikan negara yang percuma bermula daripada prasekolah hingga menengah. BBTP diberikan bagi memastikan setiap murid diberi peluang menceburi dan mencapai kecemerlangan dalam aktiviti pendidikan, kesukanan dan kokurikulum selain PdP dalam bilik darjah. Bantuan kewangan yang disalurkan itu berdasarkan *enrolmen* murid sekolah.
5. **Bantuan Geran Perkapita (PCG) Prasekolah/Sekolah/Asrama** : bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid bagi memastikan PdP serta pembangunan sahsiah diri murid dapat dilaksanakan dengan teraturnya dan berkesannya. Bantuan kewangan berdasarkan *enrolmen* murid sekolah selaras dengan arahan pegawai pengawal.
6. **Bantuan Jacket Keselamatan Murid (BJKM)** : bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid prasekolah hingga Tingkatan Enam yang menggunakan pengangkutan air untuk berulang-alik ke sekolah secara harian atau mingguan melalui pembekalan jacket keselamatan.
7. **Bantuan Makanan Asrama (BMA)** : bantuan persekolahan yang bertujuan untuk memastikan setiap murid yang menghuni asrama di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan asrama di bawah kerajaan negeri disalurkan BMA selaras dengan arahan pegawai pengawal. Bantuan kewangan yang disalurkan berdasarkan *enrolmen* murid sekolah bagi menampung kos penyediaan makanan murid di asrama.
8. **Bantuan Makanan Prasekolah (BMP)** : bantuan kewangan yang diperuntukkan ke semua kelas prasekolah di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan berdasarkan

enrolmen murid prasekolah pada tahun semasa peruntukan ini bertujuan menampung kos penyediaan makanan berkhasiat bagi murid prasekolah.

9. **Bantuan Pakaian Seragam (BPS) Badan Beruniform** : bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah bagi mengikuti aktiviti pasukan badan beruniform yang mula dilaksanakan pada tahun 2008.
10. **Bantuan Perjalanan dan pengangkutan Murid (PPM)** : bertujuan memastikan setiap murid yang tinggal di asrama dapat melaksanakan aktiviti/keperluan luar sekolah. Bantuan kewangan yang disalurkan berdasarkan jumlah murid sekolah bagi menampung kos perjalanan dan pengangkutan murid yang tinggal di asrama.
11. **Bantuan Sukan Sekolah (BSS)** : bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid bagi memastikan aktiviti kesukanan dapat dilaksanakan dengan teraturnya dan berkesannya di semua peringkat sekolah. Bantuan kewangan yang disalurkan berdasarkan *enrolmen* murid sekolah bagi menampung kos pelaksanaan aktiviti sukan dan permainan yang disediakan di sekolah.
12. **Cuti Peristiwa** : hari yang tiada pendidikan dijalankan disebabkan oleh apa-apa perayaan atau majlis rasmi sekolah.
13. **Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK)** : bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid prasekolah hingga Tingkatan Enam daripada kalangan orang kelainan upaya (OKU).
14. **Gred Sekolah** : suatu proses bagi menetapkan kategori sekolah kepada Gred A atau Gred B. Melalui urusan tersebut, bilangan kelayakan jawatan dan kesesuaian gred jawatan di sesebuah sekolah dapat ditentukan berdasarkan kriteria dan markah yang ditetapkan.
15. **Guru** : Seseorang yang
 - a. Mengajar murid di sesuatu instiusi pendidikan
 - b. Menyediakan atau mengeluarkan bahan pelajaran atau memeriksa jawapan yang dikembalikan atau melalui pusat jarak jauh, dan termasuklah PGB.
16. **Guru berdaftar** : mana-mana guru yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996.
17. **Hal Ehwal Murid** : merangkumi keselamatan, disiplin murid, kebajikan skim pinjaman Buku teks (SPBT), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu Sekolah (PSS), biasiswa, Skim Tuisyen dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), bimbingan dan kaunseling, kesihatan murid (lawatan doktor, vaksinasi, kajian aedes, kantin sekolah dan borang-borang berkaitan), sambutan perayaan, sistem maklumat murid, laporan adab dan lawatan.
18. **Hari Ganti** : hari yang pendidikan hendaklah dijalankan di sekolah bagi menggantikan hari yang pendidikan tidak dapat dijalankan atas apa-apa sebab yang diluluskan oleh pendaftar.

19. **Hubungan Komuniti** : merangkumi kerjasama dengan agensi kerajaan, bukan kerajaan, masyarakat setempat dan PIBG.
20. **Ibu Bapa** : termasuklah penjaga atau mana-mana orang yang mempunyai kawalan di sisi undang-undang atau kawalan sebenar atas seseorang murid.
21. **Institusi Pendidikan** : sekolah atau mana-mana tempat lain, di mana dalam menjalankan kerja sesuatu organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar, sama ada di dalam satu kelas atau lebih, dan termasuklah tadika dan pusat pendidikan jarak jauh tetapi tidak termasuk:
 - a. Mana-mana tempat di mana pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata atau
 - b. Mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta sebagai bukan institusi pendidikan bagi maksud akta ini.
22. **Jadual Waktu** : suatu pernyataan mengenai mata pelajaran yang akan diajar kepada murid pada hari persekolahan dalam suatu penggal persekolahan yang mana dinyatakan tempoh dan peruntukan masa selama mata pelajaran akan diajar dan nama guru yang akan mengajar mata pelajaran itu.
23. **Kenaikan Pangkat** : peningkatan secara hakiki atau suatu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran.
24. **Ketua Pendaftar** : Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru yang dilantik di bawah subseksyen 5(1) dan termasuklah Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru yang dilantik di bawah subseksyen 5(2).
25. **Ketua Perkhidmatan** : seseorang pegawai yang mengetuai perkhidmatan
26. **Kokurikulum** : merupakan aktiviti lanjutan daripada proses PdP di dalam bilik darjah. Aktiviti ini bertujuan mempelbagaikan pengetahuan dan pengalaman murid untuk memperkembangkan intelek, minat, bakat, jasmanid an rohani ke arah pembangunan kepimpinan murid, pembentukan nilai estetika, jati diri serta nilai sosial yang positif.
27. **Kokurikulum** : merangkumi aktiviti sukan, kelab persatuan dan unit beruniform. Juga melibatkan pengurusan mesyuarat, latihan, kejurulatihan, pengelolaan, pertandingan, logistik, penghargaan dan membuat dokumentasi.
28. **Kumpulan Pengurusan Tertinggi** : seseorang pegawai dalam Jawatan Utama atau Gred Khas.
29. **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** : seseorang pegawai dalam Gred 41 hingga Gred 54 atau gred yang setaraf dengannya.
30. **Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)** : bantuan kepada murid yang ibu bapa berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan untuk menghantar anak ke sekolah. Bantuan ini bermula tahun 2003 di bawah seksyen 10 Akta Tatacara

- Kewangan 1957. Objektif bantuan untuk mengurangkan jurang peluang mendapat pendidikan di antara bandar dan luar bandar.
31. **Kurikulum** : merangkumi PdP, pencerapan, pengujian dan penilaian, pengurusan panitia, pengurusan makmal dan bengkel, bimbingan kepada guru dan murid, mengadakan kelas tambahan, menjadi guru ganti, menghadiri mesyuarat, perjumpaan dengan ibu bapa dan penjaga, mengadakan majlis berkaitan pembelajaran dan membuat laporan murid.
 32. **Kurikulum Kebangsaan** : suatu program pendidikan termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan untuk mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk mempertingkatkan pengetahuan.
 33. **Kurikulum Prasekolah** : kurikulum prasekolah kebangsaan yang ditetapkan oleh menteri di bawah seksyen 22 Akta Pendidikan 1996.
 34. **Mata Pelajaran** : suatu program pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dinyatakan.
 35. **Murid** : seseorang tanpa mengira uurnya atas pendidikan atau latihan sedang diberikan di sesuatu institusi pendidikan.
 36. **Murid Sekolah Rendah** : murid yang mengikuti pendidikan rendah bagi tempoh enam tahun tetapi boleh menamatkan pendidikan yang diikuti dalam tempoh antara lima hingga tujuh tahun.
 37. **Murid Cicir** : seseorang yang tidak mengikuti pendidikan wajib di sekolah atau murid yang tidak hadir di sekolah selama suatu tempoh yang melebihi tiga (3) hari berturut-turut, tetapi tidak termasuk murid yang tidak hadir ke sekolah kerana ponteng, masalah kesihatan atau telah dikecualikan oleh menteri di bawah subseksyen 29A(3) daripada mengikuti pendidikan wajib.
 38. **Pegawai Pendidikan** : berhubungan dengan sesuatu daerah atau kawasan, ertinya pegawai pendidikan yang dilantik di bawah perenggan 4(b) Akta Pendidikan 1996.
 39. **Pembangunan Fizikal** : merangkumi pengurusan fizikal bangunan, penyelenggaraan, ubah suai dan naik taraf (USNT), penyelenggaraan perabot, pendawaian elektrik dan pembersihan kawasan sekolah.
 40. **Pembangunan Profesionalisme Secara Berterusan (CPD)** : semua program sama ada dalam bentuk bengkel, seminar, ceramah, persidangan, kursus dan aktiviti perbincangan atau mesyuarat yang dihadiri oleh guru bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tugas atau meningkatkan profesionalisme guru.
 41. **Pembangunan Staf** : merangkumi kursus dalaman dan luaran, kejurulatihan dan *Teacher Support Team (TST)*.

42. **Pembekalan Buku Teks Untuk Guru** : pembekalan buku teks untuk guru di semua sekolah kerajaan di bawah KPM, sekolah menengah agama rakyat dan sekolah rendah agama bersepadu (SRAB)/sekolah rendah agama integrasi (SRAI) di bawah kerajaan negeri untuk memudahkan PdP.
43. **Pendidikan Khas** : pendidikan yang disediakan kepada murid berkeperluan khas.
44. **Pendidikan Prasekolah** : program pendidikan bagi murid yang berumur daripada empat (4) hingga enam (6) tahun
45. **Pendidikan Rendah** : khusus pengajian pada peringkat rendah yang direncanakan bagi tempoh enam (6) tahun tetapi boleh tamat diikuti dalam tempoh lima (5) hingga tujuh (7) tahun.
46. **Pengetua/Guru Besar (PGB)** : pegawai dalam perkhidmatan pendidikan yang dilantik oleh ketua Pengarah Pendidikan untuk mengurus sekolah.
47. **Pengurusan Asrama** : merangkumi pemilihan murid, kes disiplin, penyelenggaraan, pengurusan 3K, merancang dan melaksanakan aktiviti asrama serta pemantauan kualiti makanan di asrama.
48. **Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)** : suatu penilaian berdasarkan konsep tugas dan tempat bertugas (*Job-Based and Workplace*) mengikut standard prestasi yang ditetapkan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.
49. **Pengurusan Kewangan** : merangkumi bantuan geran perkapita (PCG), anggaran belanja mengurus (ABM), pengurusan perakaunan wang kerajaan, wang SUWA, asrama dan penyelenggaraan buku VOT, pengurusan harta moral, stok sekolah serta kutipan yuran sekolah dan kutipan yuran PIBG.
50. **Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran** : merangkumi pengurusan jadual waktu, pendaftaran murid, kehadiran murid, sijil berhenti murid, pengurusan data dan guru bertugas harian/mingguan.
51. **Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)** : pentaksiran yang ditadbir, direkod dan dilaporkan melalui penyertaan, pelibatan dan pencapaian murid dalam aktiviti sukan, kokurikulum dan ekstrakurikulum. Murid perlu melibatkan diri dalam aktiviti bukan akademik sama ada di dalam atau di luar bilik darjah mengikut keupayaan murid.
52. **Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)** : satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan kurikulum kebangsaan. PBS terdiri daripada empat (4) komponen, iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (Ppsi).

53. **Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)** : pentaksiran formatif yang dilaksanakan seiring dengan PdP untuk mentaksir perkembangan pembelajaran murid iaitu:
 - a. Pentaksiran untuk pembelajaran (*Assessment for learning*)
 - b. Pentaksiran sebagai pembelajaran (*Assessment of learning*)
54. **Pentaksiran Pusat (PP)** : pentaksiran yang dilaksanakan oleh sekolah menggunakan instrumen pentaksiran, tugas, panduan penskoran dan jadual penggredan yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan (LP). Pelaporan PP dikeluarkan oleh pihak sekolah.
55. **Pentaksiran Psikometrik (PPsi)** : suatu kaedah yang digunakan secara sistematik untuk mengumpul maklumat yang menggambarkan tret psikologi, iaitu aptitud dan personaliti murid.
56. **Penyata Kewangan Tahunan** : suatu penyata yang menunjukkan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember bagi kumpulan wang yang diselenggarakan oleh sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan yang mengandungi:
 - a. Kunci kira-kira
 - b. Penyata pendapatan dan perbelanjaan
 - c. Penyata penerimaan dan pembayaran
 - d. Nota Akaun
 - e. Penyata lain yang berkaitan
57. **Peperiksaan Awam** : peperiksaan yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, direkod dan dilaporkan oleh petugas yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan (LP) berdasarkan garis panduan dan peraturan penskoran yang ditetapkan. Penyataan keputusan dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan.
58. **Perkhidmatan** : Perkhidmatan Pelajaran.
59. **Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN)** : program sokongan PdP yang komprehensif dan menyeluruh berasaskan sekolah untuk murid Tahun 2 dan Tahun 3. Program ini mula dilaksanakan mulai Mac 2020.
60. **Program Pendidikan Inklusif** : suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan pendidikan khas bersama-sama dengan murid lain.
61. **Program Transformasi Sekolah 2021 (TS25)** : merupakan program transformasi secara holistik bagi membangunkan sekolah sebagai institusi pembelajaran (*learning school*) yang berkesan.
62. **Rancangan Makanan Tambahan (RMT)** : bantuan persekolahan yang diberikan kepada murid sekolah rendah yang layak bagi memastikan murid mendapat bekalan susu dan makanan seimbang serta berkhasiat. Bantuan kewangan yang disalurkan

berdasarkan jumlah murid sekolah rendah dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah.

63. **Rekod Kewangan** : dokumen yang dikehendaki disimpan oleh sesuatu institusi pendidikan Islam atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan.
64. **Sekolah** : tempat di mana sepuluh (10) orang atau lebih lazimnya diajar sama ada di dalam satu (1) kelas atau lebih, tetapi tidak termasuk mana-mana tempat yang pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata.
65. **Sekolah Kurang Murid** : sekolah rendah yang mempunyai enrolmen murid kurang daripada 149 orang murid.
66. **Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)** : pinjaman buku teks di bawah SPBT kepada murid warganegara Malaysia di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM, sekolah menengah agama rakyat dan sekolah rendah agama bersepadu (SRAB)/sekolah rendah agama integrasi (SRAI) di bawah kerajaan negeri.
67. **Satu Murid Satu Sukan (1M1S)** : mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu (1) aktiviti sukan di peringkat sekolah. Dasar ini menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan kebangsaan yang berhasrat untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Melalui dasar ini, setiap murid akan melibatkan diri secara aktif dengan menyertai pelbagai aktiviti sukan di peringkat sekolah sepanjang tahun.
68. **Tugas-tugas Pengurusan dan Pentadbiran** : tugas yang berkaitan dengan tadbir urus sekolah dan tiada hubungan langsung dengan pelaksanaan PdP di dalam dan di luar bilik darjah. Contoh tugas-tugas pengurusan yang berkaitan dengan pengurusan kurikulum, hal ehwal murid, kewangan, kokurikulum, persekitaran dan hal ehwal fizikal, pentadbiran pejabat, sumber manusia dan perhubungan luar.
69. **Umur** : umur yang dicapai oleh seseorang murid pada hari pertama dalam bulan pertama tahun persekolahan yang berkenaan.

PENUTUP


MySG diterbitkan berasaskan semangat permuafakatan di kalangan pegawai-pegawai Bahagian KPM, JPN dan PPD dengan kerjasama GMGBM, MPSM dan KPPK bertujuan untuk mengatasi isu kekaburan peranan dan menyeragamkan pengurusan sekolah berdasarkan program dan aktiviti dari Bahagian-bahagian KPM yang perlu ada di semua sekolah. Namun begitu, penerbitan MySG ini tidak menghalang pihak JPN dan PPD merancang dan melaksanakan amalan terbaik (program dan aktiviti) di negeri dan daerah masing-masing yang bersesuaian dengan keupayaan sumber di sekolah.

Sehubungan itu, bagi memastikan hasrat KPM dapat dipenuhi kerjasama pihak pentadbir sekolah amat diperlukan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Menyusun semula struktur organisasi sekolah seperti yang dicadangkan dalam Carta Organisasi dan Carta Pelaksana Komponen Pengurusan Sekolah Menengah KPM;
- b) Mewujudkan Portfolio Tanpa Jawatan dan Jawatankuasa di sekolah berdasarkan fungsi bukan berdasarkan program seperti yang dicadangkan dalam garis panduan MySG.

Pihak sekolah boleh mewujudkan Portfolio Tanpa Jawatan dan Jawatankuasa tambahan sekiranya ada keperluan dan mempunyai bekalan sumber manusia yang mencukupi;

- c) Menjadikan MySG sebagai rujukan rasmi senarai tugas utama dan tugas sampingan/sokongan di sekolah; dan
- d) Membudayakan amalan merujuk kepada punca kuasa dan Bahagian-bahagian KPM yang menjadi peneraju program dan aktiviti di sekolah.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA